

MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT DAN PENUTUP KURSUS ILMU PENERBANGAN ASAS KUARTERMAS TER UDARA SIRI 50/19

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5747-majlis-pemakaian-pangkat-dan-penutup-kursus-ilmu-penerbangan-asas-kuartermas-ter-udara-siri-50-19

ALOR SETAR, 19 Dis 19 – Majlis Pemakaian Pangkat dan Penutup Kursus Ilmu Penerbangan Asas Kuartermas Ter Udara (KIPA KU) Siri 50/19 telah berlangsung di Dewan Aeroangkasa, Kolej Tentera Udara.

Kursus disertai seramai 24 orang pelatih terdiri daripada 15 orang calon dari TUDM, 4 orang calon dari TLDM dan 5 calon dari TD. KIPA KU Siri 50/19 ini telah berlangsung selama 16 minggu bermula 19 Ogos 19 dan berakhir pada 19 Dis 19.

Kursus ini dilaksanakan bertujuan bagi memberi peluang kepada lain-lain ketukangan untuk menyertai Ketukangan Kuartermas Ter Udara (KU) dan menjadi seorang anggota KU yang berwibawa dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan.

Upacara pemakaian pangkat Lokal Sarjan Udara dan Lokal Sarjan telah disempurnakan oleh Komandan Kolej Tentera Udara, Brig Jen Dato' Muhammad Tarminzi bin Hj Mustapha TUDM. Turut hadir adalah AKS SIAGA TLDM, wakil Pegawai Memerintah Rejimen 882 PUTD dan Eksekutif Kolej Tentera Udara.

Adalah menjadi tradisi di dalam ATM dimana pihak penganjur akan memilih dan menganugerahkan Piala Pusingan kepada Pelatih Kursus Terbaik dan Pelatih Akademik Terbaik. Pelatih Kursus Terbaik KIPA KU Siri 50/19 telah disandang oleh L/Sjn U Wan Muhammad Aiman bin Wan Yusoff manakala Pelatih Kursus Akademik Terbaik pula disandang oleh L/Sjn U Ammar bin Ahmad Hasan Shamsuri.

Pihak INSPEN 2 merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua pelatih kursus yang berjaya menamatkan kursus. Semoga segala ilmu yang dipelajari bermanfaat di unit kelak.

